



29 DEC, 2019

Anak syarikat Pestech raih kontrak RM111.7 juta di Filipina

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Anak syarikat Pestech raih kontrak RM111.7 juta di Filipina

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Pestech International Bhd, Pestech Sdn Bhd meraih kontrak bernilai RM111.7 juta bagi pencawang South Luzon daripada National Grid Corporation dari Filipina.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin, katanya kontrak itu berkaitan menaik taraf pencawang San Juan, Lumban dan Daraga, terdiri daripada bahagian luar pesisir bernilai AS\$16.64 juta (RM68.67 juta) dan bahagian daratan ber-

nilai PHP528.8 juta (RM43.03 juta).

“Di bawah projek itu, Pestech akan menyediakan, membekalkan, menggantikan, mengangkut, memasang, menguji, dan mengoperasikan peralatan elektrik 230kV dan 69kV yang sedia ada, termasuk peralatan dan bahan yang berkaitan di pencawang San Juan, Lumban dan Daraga,” katanya.

Projek itu dijadualkan siap selama 450 hari dari tarikh bermula projek itu yang belum ditentukan.

— Bernama



29 DEC, 2019

Anak syarikat Pestech raih kontrak RM111.7 juta di Filipina

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Pestech International Bhd, Pestech Sdn Bhd meraili kontrak bernilai RM111.7 juta bagi pencawang South Luzon daripada National Grid Corporation dari Filipina. Dalam makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin, katanya kontrak itu berkaitan menaik taraf pencawang San Juan, Lumban dan Daraga, terdiri daripada bahagian luar pesisir bernilai AS\$16.64 juta (RM68.67 juta) dan bahagian daratan bern

ilai PHPS28.8 juta (RM43.03 juta).